

BIDANG AKHLAK
PRAKTIS 1 : SOALAN OBJEKTIF

• Adab berhias diri

- 1 Tujuan utama menitikberatkan aspek penjagaan fizikal pesakit ialah untuk memastikan pesakit _____.
A cepat sembuh
B sentiasa bersabar
C tidak meninggalkan solat
D sentiasa mengingati Allah s.w.t
- 2 Mencukur atau mencabut bulu kening adalah diharamkan kerana _____.
A mendatangkan kemudaratan kepada wajah
B wajah akan kelihatan tidak menarik
C menyerupai perbuatan orang kafir
D mengubah ciptaan Allah S.W.T.
- 3 Hukum memakai susuk untuk kecantikan diri ialah _____.
A Sunat
B harus
C haram
D wajib
- 4 Salah satu amalan berhias diri ialah _____.
A memakai rantai bagi lelaki
B memakai rambut palsu
C memotong kuku
D mandi bunga
- 5 Islam menyukai sesuatu yang bersih dan cantik kerana _____.
A menjaga maruah diri dan agama
B menarik pandangan orang ramai
C menunjukkan kebesaran Allah
D kecantikan anugerah Allah
- 6 Hikmah Islam melarang lelaki memakai emas dan sutera ialah _____.
A membezakan pakaian lelaki dan perempuan
B melambangkan pakiaan upacara agama lain
C emas dan sutera adalah pakaian mewah
D tidak sesuai dengan kulit lelaki

• Adab ziarah orang sakit

- 7 Berikut adalah adab menjaga orang sakit.
A Ingat pesakit bahawa semuanya adalah ujan Allah
B Menasihati mereka supaya jangan bersabar
C Mengajak mereka pergi bersiar-siar
D Jangan hiraukan keluhan mereka.
- 8 Sikap yang perlu ketika menjaga orang sakit.
A Bersabar
B Mengasari mereka
C Menengking mereka
D Membiarkan mereka bersendirian

- 9 Kewajipan orang yang sihat terhadap orang yang sakit.
- I mengiringinya ke kubur.
 - II membayar hutangnya
 - III menziarahi mereka.
 - IV menjaganya
- A I dan ii
 - B I dan iii
 - C ii dan iv
 - D iii dan iv
- 10 Orang yang sakit perlu dijaga dengan beradab kerana _____.
- A mendapat pujian
 - B mendapat ganjaran.
 - C memudahkannya melakukan ibadat
 - D mendapat meringankan penderitaannya
- 11 Berikut adalah adab menjaga orang sakit dari aspek emosi kecuali _____.
- A memberi kerihatan yang secukupnya
 - B memahami keperitan penderitaannya
 - C tutur kata yang lemah lembut
 - D bersabar mendengar rungutan
- Adab di tempat rekreasi
- 12 Maksud rekreasi aktif ialah **kecuali**
- A mendaki bukit
 - B bersiar-siar
 - C berenang
 - D memanah
- 13 Antara yang berikut yang manakah faedah rekreasi kepada masyarakat?
- A Melapangkan minda dan fikiran.
 - B Menjalin semangat perpaduan.
 - C Menyihatkan tubuh badan.
 - D Menjimatkan masa.
- 14 Memperolehi keredaan Allah S.W.T. ketika berekreasi dengan cara _____.
- A menjalinkan hubungan silaturahmi dengan semua pengunjung
 - B mengingatkan diri supaya sentiasa mengingati Allah S.W.T.
 - C memelihara adab-adab yang ditetapkan oleh syariat
 - D melakukan banyak solat sunat
- 15 Rekreasi adalah kegiatan menyenangkan yang boleh menyegarkan kembali kesihatan badan. Apakah adab yang perlu ketika berekreasi?
- A berdoa-duaan bersama bukan mahram
 - B membuang sampah ke dalam sungai
 - C menghormati pengunjung lain.
 - D memakai pakaian yang seksi.
- 16 Berikut adalah hikmat mengamalkan adab di tempat rekreasi kecuali _____.
- A melahirkan masyarakat cinta alam sekitar
 - B dapat menjalinkan hubungan percintaan
 - C mendapat keredaan Allah SWT
 - D menghindar perkara munkar

• Adab dengan Rasulullah

- 17 Pilih pernyataan yang benar mengenai tujuan Islam menuntut kita supaya berselawat kepada Nabi Muhammad s.a.w.
- I Menghormati baginda
 - II Dijamin masuk syurga .
 - III Termasuk dalam golongan sahabat baginda
 - IV Menunjukkan kasih dan cinta kepada baginda
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 18 Hukum menziarahi makam Rasulullah s.a.w. ketika mengerjakan ibadat umrah dan haji adalah _____
- A makruh
B harus
C wajib
D sunat
- 19 Menghormati para sahabat rasul merupakan suatu tuntutan kerana mereka _____
- A mendapat didikan langsung dari Rasulullah
B mencintai diri sendiri melebihi cinta rasul
C melakukan amar makruf nahi mungkar
D mengamalkan sunah rasul
- 20 Berikut adalah tingkah laku yang beradab dengan baginda kecuali _____
- A mentaati perintah baginda
B menghormati sahabat baginda s.a.w.
C tidak mengucap selawat ketika tahiyat akhir
D tidak berbuat bising ketika menziarahi makam baginda saw
- 21 Tidak mengamalkan sunah Rasulullah mengakibatkan _____
- A mendapat syafaat daripada Rasulullah saw di akhirat kelak.
B tidak terhapus pahala atas kebaikan yang dilakukan.
C merosakkan iman pada diri sendiri.
D dikasihi oleh Rasulullah s.a.w.

• Adab dengan Pemimpin

- 22 Apakah langkah terbaik yang perlu diambil oleh rakyat untuk menegur pemimpin?
- A Menyalurkan melalui wakil rakyat
B Melaporkan kepada akhbar
C Menentang secara terbuka
D Mengadakan demonstrasi
- 23 Di antara berikut yang manakah bukan pemimpin dalam masyarakat?
- A Kerani
B Pengetua
C Penghulu
D Ketua Kampung

- 24 Apakah kesan buruk terhadap pemimpin apabila rakyat tidak mentaatinya?
A Pemimpin akan marah
B Pemimpin akan meletakkan jawatannya
C Pemimpin tidak mendapat penghargaan dan pengiktirafan
D Pemimpin gagal melaksanakan tugas dengan baik dan lancar.
- 25 Berikut merupakan tanggungjawab pemimpin terhadap pimpinannya,kecuali _____
A berlaku adil
B menjaga negara
C menyediakan infrastruktur
D menyediakan rumah kediaman
- 26 Kaum wanita boleh menjadi pemimpin dalam urusan yang melibatkan _____
A ketua bagi sebuah negara
B urusan keluarga sahaja
C kaum lelaki dan wanita
D kaum wanita sahaja

• Adab memberi dan menerima hadiah

- 27 Berikut adalah kelebihan memberi hadiah dan sedekah kecuali _____
A Disukai oleh manusia
B Rezeki akan bertambah
C Dimasukkan ke syurga tanpa hisab
D Mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t
- 28 Berikut adalah jenis-jenis sedekah dalam Islam kecuali _____
A Amar makruf dan nahi mungkar
B Menyelesaikan masalah orang lain
C Memberi senyuman ketika berjumpa
D Memberi salam ketika masuk dalam majlis ilmu
- 29 Hukum memberi sedekah dan hadiah ialah _____
A Wajib
B Harus
C Sunat
D Makruh
- 30 Berikut adalah adab yang perlu di jauhi semasa bersedekah.
A Memberi secara rahsia
B Tidak mengungkit-ungkit
C Memberi dengan penuh keikhlasan
D Memberi barang yang tidak digunakan lagi

• Adab berniaga

- 31 Berikut adalah adab berjual beli, kecuali _____
A Amanah
B Bersikap ihsan
C Menjauhi perkara yang haram
D Penjual mementingkan keuntungan semata-mata
- 32 Mengapakah sikap amanah penting dalam jual beli?
A Membasmi kemiskinan
B Menjauhkan penipuan dan permusuhan
C Mengelakkan seseorang individu menjadi terlalu kaya
D Melahirkan masyarakat yang mempunyai taraf hidup tinggi